



**PARLIMEN MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

KENYATAAN MEDIA

**PENZAHIRAN SOLIDARITI SUSULAN TRAGEDI BANJIR BESAR DI
NEPAL OLEH JAWATANKUASA PILIHAN PERHUBUNGAN
ANTARABANGSA DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA**

YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik, Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Perhubungan (JKP) Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa Dewan Rakyat telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Puan Mudita Bajracharya, *Charge d' Affaires* di Kedutaan Besar Nepal pada Isnin, 14 September 2026. Sesi kunjungan hormat ini turut dihadiri oleh YB Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy, YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail dan YB Tuan Haji Muhammad Ismi bin Mat Taib. Tujuan kunjungan hormat ini ialah untuk menzahirkan solidariti dan menyampaikan ucapan takziah atas tragedi banjir besar yang telah melanda Nepal pada 26 Ogos 2026 yang lalu.

Dalam sesi kunjungan hormat ini, Ahli-ahli JKP terlebih dahulu menzahirkan solidariti dan simpati ke atas tragedi yang mengejutkan ini. Dalam sesi ini, Ahli-ahli JKP telah berpeluang untuk mendapatkan penerangan berhubung bencana tersebut yang telah memusnahkan perkampungan-perkampungan berdekatan termasuklah infrastruktur pembangunan seperti sekolah, jalan raya, jambatan dan juga projek penajaan kuasa. Kerosakan dan kemusnahan tersebut dianggarkan berjumlah USD1.87 billion namun jumlah sebenar masih dalam siasatan pihak berkuasa tempatan.

Puan Mudita Bajracharya turut merakamkan penghargaan kepada Malaysia dalam menghulurkan bantuan bagi operasi mencari dan menyelamatkan yang telah dijalankan bersama-sama pihak berkuasa tempatan. Kerajaan Nepal akan terus berhubung dengan Kerajaan Malaysia melalui Kedutaan Besar Malaysia di Nepal dalam mengemaskini status rakyat Malaysia yang masih hilang. Ahli-ahli JKP mendoakan agar rakyat Malaysia yang masih hilang akan segera ditemui dan segala urusan dalam operasi mencari dan menyelamatkan berjalan lancar dengan kerjasama pelbagai pihak. JKP berpandangan bahawa sokongan pertumbuhan ekonomi Nepal boleh disalurkan melalui aktiviti pelancongan ke Nepal setelah keadaan kembali stabil dan selamat. Rakyat Malaysia yang berhasrat untuk melancong ke Nepal dinasihati untuk sentiasa merujuk kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Luar Negeri dari semasa ke semasa.

-TAMAT-